

## KUCING HAIWAN PELIHARAAN YANG MANJA

Oleh: Nur Farhanim Najihah binti Arriful Fadzilah, 1171848,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 30 July 2020*



Kucing merupakan haiwan yang paling disukai manusia kerana sifatnya yang penyayang, manja dan memahami.

Kajian tentang tingkah laku 12 ekor kucing dan pemilik mereka yang dibuat oleh Moriah Galvan dan Jennifer Vonk dari Universiti Oakland, Amerika Syarikat, mendapati bahawa kucing boleh memahami perasaan dan emosi tuannya.

Sebagai contoh apabila tuannya tersenyum kepadanya, kucing itu akan bertindak 'positif' seperti menggesel-geselkan tubuhnya atau duduk pada tuannya.

Di samping itu, sifat penyayang seekor kucing dapat dilihat apabila tuannya pulang ke rumah. Pasti ia datang berkejaran dan menyambut kepulangan tuannya sambil mengiau, seolah-olah ingin menyatakan kegembiraannya.

Namun, tidak dinafikan bahawa ada juga sesetengah manusia yang sangat tidak menyukai haiwan peliharaan yang comel ini.

Sebagai contoh, baru-baru ini seorang lelaki dilaporkan sanggup membunuh tiga ekor kucing dengan melemaskan mereka di dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi.

Tidak dinafikan bahawa, mungkin mereka yang tidak suka kepada kucing mempunyai masalah peribadi dengan haiwan ini.

Tetapi melakukan kekerasan terhadap haiwan comel ini bukanlah cara yang dianjurkan oleh Islam.

Seperti yang kita tahu Allah SWT melaknat mereka yang melakukan kezaliman terhadap manusia dan haiwan.

Dalam riwayat Imam Ibnu Hajar menyatakan bahawa menyiksa binatang itu termasuk dalam kategori melakukan dosa-dosa besar.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang menyiksa sesuatu yang bernyawa, lalu tidak bertaubat, nescaya Allah akan menyiksanya pada Hari Kiamat.” (Hadis riwayat Ahmad)

Hadis lain juga ada menyebut tentang seorang wanita yang tidak pernah memberikan makanan kepada kucingnya dan tidak juga membenarkan kucingnya keluar mencari makanannya sendiri.

Daripada Ibnu Umar ra bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Seorang wanita dimasukkan ke dalam neraka kerana seekor kucing yang diikat dan tidak diberikan makan bahkan tidak diperkenankan makan binatang-binatang kecil yang ada di lantai.” (HR. Bukhari)

Perbuatan tersebut jelas menunjukkan bahawa azab kepada mereka yang menganiaya binatang akan dicampakkan ke dalam neraka.

Ini membuka mata dan hati kita agar tidak sewenang-wenangnya menzalimi haiwan seperti kucing kerana mereka juga mempunyai perasaan.

Sejarah Islam juga pernah mencatatkan kisah Nabi Muhammad SAW yang sangat menyayangi kucing peliharaannya yang bernama Mueeza.

Suatu hari di saat Rasulullah ingin mengambil jubahnya, baginda mendapati Mueeza sedang tidur di atas jubah yang hendak dipakainya.

Dengan penuh cermat baginda menggunting sebahagian jubahnya kerana tidak ingin mengganggu waktu tidur kucing kesayangannya itu. Lalu baginda pun terus keluar rumah tanpa mengejutkan Mueeza.

Apabila baginda pulang ke rumah, Mueeza sudah terjaga dan ia segera berlari ke arah baginda dalam keadaan menunduk sujud.

Rasulullah SAW kemudian membelai badan Mueeza dan mengusapnya sebanyak tiga kali. Malah, setiap kali Rasulullah SAW menerima tetamu di rumahnya, baginda mendukung kucing kesayangannya itu, lalu dipangku di atas pahanya.

Sebagai manusia yang dilahirkan dengan akal fikiran yang waras, amat penting untuk kita memelihara semua makhluk seperti tumbuhan dan haiwan dengan menjaga hak mereka sebaik-baiknya.

